

Headline	KL-Abu Dhabi kukuh hubungan dagang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	18	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	194 cm ²
Journalist	Anwar Husin anwarhussin@bh.com.my *	AdValue	RM 6,568
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,704



KL-Abu Dhabi kukuh hubungan dagang



Lawatan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) bermula hari ini, dijangka mengukuhkan hubungan dua hala, perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan negara itu.

Kunjungan enam hari itu penting kerana UAE rakan dagang terbesar Malaysia di rantau Asia Barat dengan perdagangan antara kedua-dua negara meningkat kepada AS\$8.81 bilion (RM29.07 bilion) pada tahun lalu berbanding AS\$8.03 bilion (RM26.50 bilion) sebelumnya.

Destinasi pelaburan

Konsul Jeneral Malaysia di Dubai, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin berkata dalam lawatan kerja itu Muhyiddin akan menghadiri Me-

syuarat Pelaburan Tahunan (AIM) 2014 yang bermula hari ini hingga Sabtu ini dan Pameran Pendidikan dan Latihan Teluk (GETEX) pada Rabu dan Jumaat ini.

"AIM akan diadakan di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Dubai (DICEC) yang dianjurkan oleh Perdana Menteri yang juga Naib Presiden UAE, Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum.

"Timbalan Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan pada majlis pembukaan AIM itu.

"Beliau (Muhyiddin) mungkin menyentuh mengenai usaha sama, FDI (pelaburan langsung asing) dan pada masa yang sama mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelaburan," katanya kepada wartawan Malaysia di sini sempena lawatan kerja itu.

AIM 2014 akan berlangsung di DICEC itu bagi menggalakkan FDI dan peluang usaha sama awam swasta negara khusus dengan menentengahkan potensi ekonomi.

Pameran pelaburan tahunan

Ahmad Fadil berkata, syarikat pembinaan Malaysia yang berjaya di Dubai, Eversendai Corporation Bhd serta syarikat dari Sarawak termasuk dalam industri pembinaan dan makanan halal, adalah antara syarikat Malaysia yang mengambil bahagian pada pameran pelaburan tahunan itu.

Selain itu, Muhyiddin juga akan melakukan kunjungan hormat terhadap Sheikh Mohammad hari ini.

Berhubung dengan GETEX, Ahmad Fadil berkata pameran pendidikan itu, terbesar di Asia Barat dan Malaysia menyertainya sejak 2004 bagi mempromosi bidang pendidikan di negara ini.

Ahmad Fadil berkata Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan, dijadual merasmikan pavilion Malaysia, antara ruang pameran terbesar di GETEX 2014, pada Rabu di DICEC.

Pavilion itu menampung 25 universiti awam dan swasta dan institusi pendidikan tinggi dari Malaysia, termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM), Nottingham University Malaysia dan Sunway University, katanya.